

**CERAMAH RADIO
ALLAHYARHAM AMINUDDIN BAKI
DALAM SIRI GERAKAN OBOR**

**PADA
21 JANUARI 1964
DAN
4 FEBUARI 1964**

**CERAMAH RADIO
ALLAHYARHAM AMINUDDIN BAKI
DALAM SIRI GERAKAN OBOR**

**PADA
21 JANUARI 1964
DAN
4 FEBUARI 1964**

**PUSAT SUMBER
INSTITUT AMINUDDIN BAKI**

Aminuddin Baki berbichara tentang

PELAJARAN MELAYU

Pembaharuan sikap sharat mutlak kemajuan

(Siri satu diucapkan pada 21.1.1964)

KETIKA mula2 Gerakan Obor ini dilancarkan, saya telah chuba mengingatkan tuan2 dan puan2 tentang mustahaknya kita melipat gandakan ikhtiar dan usaha kita dilapangan pelajaran dan ilmu pengetahuan, hubaya2 dalam negeri kita yang berdaulat dan merdeka ini tidak hendaknya berbuah pisang dua kali dan kita berdagang dirumah sendiri.

Shukor Al-hamdulillah kesadaran yang disemaikan dalam Gerakan Obor itu telah mulai berchambah dengan baik, bertambah subur dan mula mengeluarkan hasilnya. Mudah2an Allah, sebagaimana firmanNya, memberkati kita hambanya yang berusaha dan berikhtiar mengubah nasib sendiri dan nasib masharakat bangsa.

Usaha dan ikhtiar kita dilapangan mengubah nasib sendiri menerusi pelajaran tidak dapat dinafikan adalah suatu usaha yang rumit dan mengandongi berbagai2 masaalah. Mengatasinya tidak sahaja menuntut adanya kemudahan2 wang sebagaimana biasiswa pelajaran yang diadakan oleh pihak kerajaan atau pula kemudahan2 bersekolah yang lain seumpama bangunan asrama2, guru, buku dan alat2 dan tidak pula memadai dengan tekad dan azam anak2 kita yang belajar sahaja atau pula kesediaan ibu bapa berkorban tetapinya berkehendakkan keinsafan dan kesedaran, jiwa baharu dan semangat baharu serta pula penyesuaian sikap dan pandangan hidup masharakat kita orang Melayu selurohnya.

Cheramah2 yang disiarkan dibawah ini ialah ucapan Allahyarham Enche' Aminuddin Baki, dalam siri Gerakan Obor menerusi Radio Malaysia.

Sikap dan pandangan hidup kita yang telah berakar umbi dihati sanubari harus disesuaikan dengan keadaan zaman kemajuan ini lebeh2nya dengan keadaan sekeliling kita dan kehendak2 tuntutan hidup dalam masharakat Tanah Melayu yang berbilang bangsa. Bahkan pertentangan diantara nilai tamaddun dan kemajuan mata benda yang kita bermaksud chapai dengan nilai2 hidup masharakat Melayu yang telah kita warithi telah menjadi salah satu sebab kegagalan kita menggunakan kesempatan kemudahan dan keistimewaan yang disediakan selama ini. Seterusnya inilah pada hemat saya yang menjadikan puncha besar kemunduran kita.

Susunan ikhtisad Melayu yang berbentok ikhtisad sara

MASTIKA

PUSAT SUMBER
INSTITUT AMINUDDIN BAKI

hidup dan penuh dengan penindasan yang menghasilkan kemiskinan dan kerendahan darjat hidup adalah pada dasarnya berpuncha pada sikap dan pandangan hidup yang kurang sesuai itu. Sungguh pun tidak dinafikan bahawa kemiskinan telah menggenchat pelajaran anak2 Melayu disebabkan oleh ibu bapa mereka tidak mampu membiayai pelajaran si anak lebeh lama dan lebeh tinggi atau pula disebabkan si anak yang belajar itu tidak dapat mengadakan kemudahan2 tambahan bagi membantu jayakan pelajarannya, maka menuduh kemiskinan sahaja sebagaimana biasa kita lakukan sebagai sebab tunggal kemunduran pelajaran anak2 Melayu tidaklah tepat.

KEMUNDURAN

Saya katakan demikian oleh kerana kemunduran pelajaran adalah juga umum didapati dikalangan2 murid2 yang ibu bapa mereka tidak boleh dikatakan miskin dan juga didapati dikalangan2 murid2 Melayu yang mendapat bantuan2 pelajaran. Sehingga kalau kita kaji angka2 kemajuan pelajaran murid2, antara kaum walau pun yang beribu bapa sama golongan berpendapatan kecil, maka akan kita dapati bahawa pada semua peringkat pelajaran rendah dengan peperiksaan masuk sekolah menengahnya, pelajaran menengah dengan Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Persekutuannya atau pula pelajaran tinggi dengan Peperiksaan Sijil Pelajaran Tinggi dan ujian2 ijazah universiti, maka akan didapati bahawa kemajuan anak bangsa kita termasuk mereka yang diberi biasiswa adalah masih belum memuaskan.

Memandang kepada berbagai2 kemudahan yang disediakan maka seseorang yang mengkaji angka2 kemajuan itu

tidak akan dapat mengelakkan daripada berpendapat bahawa sebab2 pelajaran anak2 Melayu mundur tidaklah hanya disebabkan kemiskinan, sekali2 tidak disebabkan kita bangsa Melayu makhlok yang kurang chergas otak dan akalunya, tetapi adalah juga disebabkan asas jiwa, sikap dan pandangan hidup yang belum jaya kita sesuaikan dengan kehendak2 dan tuntutan zaman kemajuan teknik dan sains sebagaimana yang dilambangkan pelajaran disekolah2 hari ini dan keadaan sekeliling kita. Maka selagi belum sikap dan pandangan yang telah sehati dengan jiwa kita itu, kita baharui dan sesuaikan, selama itulah pula kita akan kurang dapat menikmati hasil daripada segala kemajuan yang sekarang disediakan dan usaha2 yang dijalankan bagi membangun masyarakat kita.

Mengetahui sebab2 dan puncha kita bersikap dan berpandangan hidup demikian sangatlah mustahak, kerana hanya sesudah memahaminya baharu dapat kita mengatasinya dengan sebaik2nya. Pada hemat saya, sikap dan pandangan hidup demikian berpuncha kepada dua:

IKLIM

(a) Sebab2 pengaruh dan tekanan keadaan disekeliling kita iaitu keadaan iklim, hawa dan susunan masyarakat serta pentadbirannya (feudal).

(b) Sebagai akibat fahaman yang tidak seimbang terhadap agama iaitu fahaman yang mengutamakan sangat soal2 keimanan, akhlak dan rohani lebeh daripada soal2 urusan hidup bermasyarakat sehari2.

Memandang kepada iklim dan hawa alam disekeliling yang sentiasa sama sepanjang tahun tidak bertukar musim empat sebagaimana dinegeri2 lain, tidak menchabar hidup

sehari2, bumi kita yang subur dan sentiasa dihujani dan diayeri sechukupnya sepanjang tahun, bumi yang datar senang dihumi, maka menchari nafkah hidup sehari2 dalam keadaan hawa dan alam yang demikian tersangatlah mudah. Pekerjaan terator mengikut masa yang tertentu dan bersungguh2 mithalnya hanya dikehendaki semasa memenohi satu2 paksaan keadaan, umpamanya menanam dan menuai padi pada musim tertentu atau untuk menghasilkan satu2 maksud umpamanya nikah kahwin satu2 kerahan dan sebagainya.

NAFKAH

Selain daripada itu, pekerjaan menchari nafkah boleh dibuat dengan mengikut kehendak bila mahu dan bila sempat atau ditanggohkan sahaja ke-hari besok dan besok! Akhirnya pekerjaan itu diabaikan sama sekali atau pula jika dilakukan maka tidak sempurna atau kurang hasil oleh sebab terburu2.

Sikap dan pandangan demikian terhadap pekerjaan bukanlah khas didapati dikalangan masyarakat jati kita sahaja, tetapi adalah didapati juga dikalangan anggota masyarakat yang tidak berchorak teknik iaitu dikalangan masyarakat yang anggotanya bekerja bukan kerana keuntungan atau kemewahan, tetapi hanya bagi saraan hidup sehari2.

Sikap puas hati dengan hidup sederhana dan menchukupi saraan adalah umum bagi masyarakat demikian dan darjat hidup masyarakat adalah diukor dari segi kebolehan satu2 keluarga mengadakan sarapannya sehari2 sahaja. Oleh kerana alam yang mewah, hawa, dan iklim yang tidak menchabar inilah maka masyarakat kita telah terbiasa hidup berpuas hati dengan penghasilan: Sedikit sechukup

intok saraan sehari2 sahaja. Hawa dan iklim ini pula disokong tambah oleh keadaan masharakat masa itu yang berupa masharakat 'feudal' yang memaksa rakyat jelata mengabdikan dan menghambakan diri. Gambaran keadaan sunan masharakat Melayu dan pentadbirannya dizaman silam yang telah mengakibatkan sikap dan pandangan hidup manusia Melayu berserah saja mengadu nasib adalah sedikit sebanyak dikesahkan oleh Munshi Abdullah didalam Hikayat Pelayarannya bila beliau menceritakan bualan-bualan dengan orang2 kampung yang dalam hidup sehari2 mengabdikan diri menurut kehendak disamping makan dan minum sendiri dan keluarganya terpaksa pula dichari: Pehlu, tanam2an, hidup2an dan harta milek mereka dirampas sahaja dengan tidak berharga, dan jika sekiranya mereka melawan maka dianggap derhaka dengan balasan bunuh sahaja.

KEKAYAAN

Kalau kita menongkan susunan masharakat semasa itu tidaklah hairan kalau seseorang rakyat bersikap dengan membanting tulang berlebeh2an, berchuchok tanam dan sebagainya menchari kekayaan kalau hasil titek peloh mereka dirampas bagi kesenangan orang lain. Itulah gambaran keadaan masharakat dizaman silam yang diperchayai telah mempengaruhi sedikit sebanyak sikap pandangan dan nilai hidup masharakat bangsa kita Melayu. Seterusnya bagi maksud menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling mereka itu anggota masharakat Melayu jangka telah mengambil sikap 'negative' sebagai tindak balas iaitu mereka bersikap enggan dan sia2 membanting tulang berlebeh2an daripada yang sechukupnya untuk

naikah salaku hidup sehari2 sahaja. Sikap tindakbalas demikian lama kelamaan mungkin telah meresap menjadi sebatian dengan jiwa mereka sehingga terbawa2 sampai ke zaman ini. Sehingga lah jua apabila dibandingkan dengan kechergasan dan usaha kaum2 lain sebagai masharakat yang bersikap beku, enggan berusaha dan kurang berikhtiar.

MENGADU

Sikap berpuas hati dengan nafkah saraan dan hidup malang mengadu nasib yang dihasilkan susunan masharakat dan pengaruh iklim itu berseesuaian pula dengan sebahagian daripada ajaran agama kita untuk hidup beribadat dilapangan rohani dan membentuk akhlak kelakuan terpuji sehingga menimbulkan sikap mengabaikan hidup selamat dalam dunia bahkan menimbulkan pandangan hidup:

Dunia ini pinjam2an.

Keakhirat jua akan sunggohnya.

Penegasan yang berlebeh terhadap aqid dan keperchayaan, ibadat dan kerohanian ini sebagai persediaan bagi alam akhirat lama kelamaan dijangka telah sendirinya pula menimbulkan sikap hidup didunia ini sebagai neraka bagi orang mukmin dan shurga bagi orang kafir.

Sikap hidup sedemikian itu memanglah sesuai dalam masharakat tunggal beranggotakan orang Melayu yang bersikap sama tetapnya tidaklah sesuai dalam satu masharakat berbilang bangsa sebagaimana ditanah ayer kita sekarang ini. Pandangan hidup demikian memanglah sesuai dalam satu masharakat yang berchorak ikhtisad sara hidup (subsistence economy) dan pertukaran mata benda (barter economy) dan tidak dalam masharakat

yang berchorak ikhtisad kewangan (money economy) dengan perdagangan dan perusahaan sechara keahlian dan pembahagian kerja dan peranan.

Mithalnya bila masa Semantanjong Tanah Melayu mulai dibuka dalam tahun 1880, jalaranya dibena, keretapi diadakan, hutan ditebang ditanam dengan getah, tanah dikorek bijeh isinya dikeluarkan, maka dalam usaha pembukaan negeri pada masa itu masharakat kita disebabkan sikap

hidupnya telah enggan tampil kehadapan memenohi kehendak2 pembangunan; masharakat kita lebeh suka menjadi penuntun sahaja dan bagi maksud pembangunan pehak yang memerintah telah membawa masuk kaum buroh dari India dan China kerana kita orang2 Melayu tidak mahu memburoh oleh kerana hasil tanah pusaka kita yang sebidang dua itu, ladang dan dusun kita chukup untuk menyaraai hidup sekeluarga, mengapa mesti memburoh.

RENGKASAN RIWAYAT HIDUP

TARIKH diperanakkan: 26 Januari 1926.

Tempat diperanakkan: Chemor, Perak.

Persekolahan:

1932-1936 Sekolah Melayu Chemor (lulus darjah V).

1936-1941 Anderson School Ipoh, Perak.

Oktober 1945-46 (lulus dalam School Certificate).

Oktober 1947 masuk belajar di Raffles College, Singapura.

Oktober 1949 menyambung pelajaran di Universiti Malaya.

8 Julai 1950 lulus dalam Bachelor of Arts (Honours), Universiti Malaya.

14 Julai 1951 lulus dalam Bachelor of Arts (honours), Universiti Malaya, dalam perkara ilmu tawarikh.

Oktober 1952 mempelajari ilmu pendidikan di Institute of Education, University of London, dengan hadiah pelajar.

Jarjan Queen's Scholarship. Julai 1953 lulus dalam tauliah Postgraduate Certificate of Education, University of London.

Pergerakan:

April 1946 menubuhkan Persatuan Pelajar Melayu Insaf (PERMI) Ipoh.

Ogos 1947 menubuhkan Persatuan Pelajar2 Melayu Insaf (PERMI) Perak.

Ogos 1948 menaja Gabungan Penuntut2 Melayu Semantanjong (GPMS).

1950 Jawatankuasa Menyiasat Mogok Sultan Idris Training College.

1951 Jawatankuasa Barnes.

1956 Jawatankuasa Razak.

1960 Jawatankuasa Rahman Talib.

Perkhidmatan dalam alam pendidikan:

Januari 1949 — Mach. 1951 menjadi guru Anglo-Malay Evening School, Singapura sekolah bagi orang dewasa).

AN RIWAYAT HIDUP ALLAHYARHAM AMINUDDIN BAKI

jaran Queen's Scholarship.

Julai 1953 lulus dalam tauliah Postgraduate Certificate of Education, University of London.

Pergerakan:

April 1946 menubuhkan Persatuan Pelajar Melayu Insaf (PERMI) Ipoh.

Ogos 1947 menubuhkan Persatuan Pelajar2 Melayu Insaf (PERMI) Perak.

Ogos 1948 menaja Gabongan Penuntut2 Melayu Semenanjung (GPMS). 1950 Jawatankuasa Menyiasat Mogok Sultan Idris Training College.

1951 Jawatankuasa Barnes.

1956 Jawatankuasa Razak.

1960 Jawatankuasa Rahman Talib.

Perkhidmatan dalam alam pendidiekan:

Januari 1949 — Mach 1951 menjadi guru Anglo-Malay Evening School, Singapura (sekolah bagi orang dewasa).

September 1951 — Julai 1952 menjawat jawatan guru disekolah Inggeris Sultan Yusuf School Batu Gajah dan Anderson School Ipoh.

17 September 1953 menjawat jawatan guru Ilmu Mengajar (Master of Method) Sultan Idris Training College Tanjong Malim. Beliau juga pernah menjadi pensharaah sambilan di Kolej Islam Kelang dalam tahun 1959.

Lain2 Hal:

Enche' Aminuddin pernah memegang jawatan Ketua Pegawai Pelajaran Negeri Sembilan dan Pegawai Kanan Pelajaran Negeri Selangor.

Beliau juga telah dudok didalam Jawatankuasa Menyiasat Kelemahan Murid2 Melayu didalam memasoki sekolah menengah yang dipengeruskannya sendiri, Jawatankuasa Meranchang Pelajaran Tinggi, Jawatankuasa Pelajaran Ane-

ka-jurusan, Jawatankuasa Ejaan Melayu-Indonesia (MELINDO), Ahli Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka, Pengerusi Dewan Kebudayaan Tanah Melayu, Penasehat Gabongan Pelajar2 Melayu Semenanjung (GPMS) 1961/1962 hingga 1964/1965, Anggota Surohanjaya Fullbright dan lain2 lagi.

Setelah memegang beberapa jawatan penting dilapangan pelajaran dinegeri kita ini, akhirnya pada tahun 1961 Enche' Aminuddin Baki telah dilantik menjadi Ketua Pegawai Penasehat Pelajaran. Pada 24 Disember 1965 tokoh kebangsaan yang ulong, disegani, dan dianggap sebagai anak negara ini yang berkelibar besar telah meninggal dunia.

Allahyarham dapat pengiktirafan UNESCO sebagai salah seorang peranchang pelajaran yang terkemuka di Benua Asia ini.

hidupnya telah enggan tampil hadapan memenohi kehendak2 pembangunan; masyarakat kita lebeh suka menjadi penuntun sahaja dan bagi maksud pembangunan pehak yang memerintah telah membawa masuk kaum buruh dari India dan China kerana kita orang2 Melayu tidak mahu memburoh oleh kerana hasil tanah pusaka kita yang sebidang dua itu, ladang dan dusun kita chukup untuk menyaraai hidup sekeluarga, mengapa mesti memburoh.

Bila sekolah mula2 dibuka pula masyarakat kita enggan memasokkan anak mereka belajar lebeh2 lagi disekolah Inggeris ketika itu kerana takut benar kalau2 si anak mati kafir tidak tahu menguchap, kalau anak perempuan pula takut nanti pandai menulis surat cinta dan berchampur gaul antara lelaki dan perempuan. Juga ketika itu masyarakat kita bersikap apakah gunanya menchari ilmu kalau sekiranya tujuannya hanya untuk membolehkan seseorang men-

chari nafkah hidup pada hal harta pusaka ladang dan dusun ada untuk memberi nafkah sehari2.

Disini saya teringat bualan saya dengan seorang nenek kepada seorang kaya. Dalam bualan itu si nenek itu menceritakan apakah gunanya chuchunya pergi belajar kerana chuchunya berharta pusaka chukup untuk saraan hidupnya. Oleh kerana itu memadailah chuchunya itu tahu membacha dan menulis sahaja asalkan jangan ditipu orang.

PELAJARAN MELAYU

Renchana ini ialah ucapan akhir dari tiga siri yang dibuat oleh Allahyarham Aminuddin Baki dalam "Gerakan Obor" melalui Radio Malaysia pada 4hb. Februari, 1964.

(Sambongan bulan lalu)

PADA minggu yang lalu saya telah mengemukakan pendapat bagaimana bagi maksud menchapai kemajuan maka sikap dan pandangan hidup masyarakat kita yang dibentuk oleh keadaan alam sekeliling — hawa, iklim, susunan masyarakat dan chara pentadbirannya itu mustahak disesuaikan dengan nilai2 tertentu yang menjadi asas tamaddun kebendaan Barat yang ber lambangkan kemajuan teknik dan sains.

Bila menyebut tamaddun kebendaan itu saya teringat akan satu buku karangan seorang ahli pejuang Islam, Amir Shaqib Ar-Salaan yang bertajuk "Mengapa kaum Muslimin mundur dan mengapa kaum selain mereka maju."

Tegasnya kalau kita pindahkan soal ini kepada masyarakat orang Melayu, kita harus menyoal diri kita — Mengapakah orang Melayu mundur dan mengapa pula kaum China, India dan selainnya dalam negeri ini maju? Tuhan dalam firmanNya yang bermaksud "dan kemuliaan itu bagi Allah, bagi RasulNya dan bagi orang yang beriman." iaitu termasuk kita orang Melayu yang beriman kepada Tuhan. Mengapakah kalau demikian orang Melayu beragama Islam mundur?

Ada diantara kita yang menganggap kemundoran ini disebabkan agama. Mereka menudoh, sebagaimana banyak kaum2 yang berfahaman kebendaan, agama itu sebagai penghalang kemajuan. Apakah agama yang kita ikuti telah menjadikan kita bernasib demikian ini?

MUNDOR

Jawabnya tegas sekali TIDAK. tidak demikian! Sebabnya kita orang Melayu mundur, sebagaimana kita dapati diri kita sekarang ini ialah kerana diri kita sendiri, sikap dan pandangan kita yang kurang sesuai dengan keadaan sekarang ini. Dari segi agama pula maka penegasan yang kita beri kepada ibadat dan rohani sahaja — bagi akhirat, pada hal ajaran agama kita yang suci itu menghendaki juga keselamatan hidup didunia yang fana ini sebagaimana kita pohonkan kepada Tuhan setiap kali lepas sembahyang dengan doa.....

Kalau selama ini ajaran agama Islam kita beratkan bagi makanan rohani dan jiwa sahaja perkara bersangkut 'aqaid dan keperchayaan, akhlak dan kelakuan sahaja sebagai persiapan bagi akhirat — alam baqa, maka ke hadapan ini bagi keselamatan ma-

sharakat, haruslah kita berikhtiar sama kuat bagi memberi makanan jasmani dengan memberi pandangan yang seimbang kepada mu'amalat dan urusan masyarakat hidup sehari2. Semoga sejahtera, aman dan tenang fikiran kita bagi mengabdikan kepada Tuhan.

Hadith dan Al-Quran sebagaimana kita selalu diingatkan mempunyai pertunjak2 dan dalil2 bagi kita untuk berlumba dalam hidup menchari nafkah dan menjalankan segala usaha dan ikhtiar untuk menikmati rezeki dari alam kurniaan Tuhan Seru Sekalian Alam, sebagaimana firmanNya — "Dialah Tuhan yang menjadikan bagi kamu segala2 yang ada di bumi ini."

Kitab suci kita Al-Quran mengingatkan segala rezeki nafkah kurniaan Tuhan itu tidak akan datang menggolek atau pula jatuh keriba kalau tidak kita usahakan sebagaimana firmanNya: "Dan tidak ada bagi seseorang manusia itu melainkan apa yang telah diusahakannya." Sikap "Rezeki sechupak tidak boleh menjadi segantang" dan "Berserah kepada takdir" dengan tidak menjalankan ikhtiar adalah sikap yang tidak sesuai lagi bahkan akan memusnahkan masyarakat kita ke hadapan ini kalau kita amalkan terus.

Apakah satu chara yang tegas bagi membolehkan kita menikmati rezeki itu? Maka Al-Quran menyeru kita menjelajah bumi, mendengar, memerhati, memikir dan memahami alam kejadian disekeliling kita dan menggunakan isi alam itu untuk kemudahan dan kesejahteraan hidup.

Dalam Al-Quran bertalu2 kita diingatkan untuk memerhati alam chakerawala, peredaran matahari, bintang dan bulan, pertukaran siang dan malam, penerbangan awan yang mengandongi titisan ayer menghujani dan menghidupkan bumi yang kering dan mati dengan tumbuh2an dan binatang2 dan sebagainya untuk makanan, tempat perlindungan, pakaian, kenderaan segala kemudahan hidup. Bahkan menyuruh kita memikirkan hal kejadian diri kita sendiri dari ayer yang keluar dari antara belakang dan rusok, mengandongi nutfah zarrah kehidupan, kemudiannya menjadi segumpal darah daging berangka tulang sehingga lahiriah kita kedunia ini.

KEKAYAAN

Al-Quran menyuruh kita menggunakan pancha indera kita, otak fikiran kita untuk menghuraikan kekayaan alam dan daripada hasil pemikiran dan penyiasatan itu menggunakan alam sekeliling kita sepenuhnya untuk kemakmoran dan kesejahteraan hidup. Segala ini kita disuruh lakukan asalkan hasil daripadanya mengingatkan kita tentang adanya Tuhan dan menguatkan lagi iktikad dan kepercayaan kita akan Tuhan yang menjadikan alam Tuhan yang amat pemurah lagi amat megasehani.

Hadith2 Nabi, perkataan2 sahabatnya dan agama Islam sentiasa mengingatkan kita tentang kelebihan ilmu penge-

tahuan, tingginya mertabat orang yang berilmu dan menggalakkan kita menchari ilmu dimana dan kemana juga dan selagi ada hayat menchari dan memajukan ilmu pengetahuan.

SERUAN

Tuan2 akan bertanya kalau demikian galakan Islam dilapangan ilmu pengetahuan pernahkah dalam tawarikh Islam kaum Muslimin mengamalkan seruan dan galakan tersebut? Jika ada, bagaimanakah charanya dan dalam lapangan apa? Jawabnya pernah! Ketika dunia Barat mengalami Zaman Kegelapan (Dark Ages) — tamaddunnya terbenam dalam kekolotan dan kebekuan fikiran, taksu dan berkeperchayaan karut2, papa dalam hidup rohani dan jasmani — maka kaum Muslimin ketika itu melalui satu zaman keemasan bukan dari segi luas kawasan pemerintahannya tetapi dari segi kemajuan dalam lapangan ilmu pengetahuan sains dan falsafah sehingga terkenal Islam sebagai pemegang obor ilmu pengetahuan dan penyambung tamaddun Yunani dan Rome (Graeco — Roman Civilization) dengan Zaman Pemulihan Eropah (European Renaissance). Dalam masa lebih kurang 900 tahun diantara Tahun Masehi 700 sehingga Tahun Masehi 1600, cherdik pandai Islam telah merintis dan meletak batu asas ilmu sains yang ada pada hari ini. Hasil dari zaman keagungan Islam ini kita dapati kesannya hari ini dalam hampir2 semua lapangan ilmu pengetahuan.

Mithalnya selain daripada istilah2 berasal bahasa Arab didapati dalam berbagai lapangan ilmu pengetahuan, maka nama2 ahli pengetahuan yang beragama Islam adalah didapati menjadi sebutan ahli pengetahuan Barat umpamanya:

Abu Musa Jabir (M. 776) dalam lapangan ilmu kimia.

Al-Khawarizmi (M. 850) dalam lapangan ilmu hisab dan beratus2 tahun lamanya buku karangannya berhubung dengan ilmu hisab digunakan didunia Barat.

Al-Farabi (M.950) terkenal dilapangan falsafah sebagai Aristotles I sedarjat dengan ahli falsafah Greek Tua yang mashor itu.

Al-Razi (M. 850) dalam lapangan perubatan dan pembedahan sehingga bukunya Al-Hawi menjadi buku semakan perubatan sebelah Barat.

Ali Ibu Husain Ibnu Sina (M. 1037) terkenal dalam bahagian perubatan juga sehingga bukunya bernama Qanun Perubatan2 (Al-Qunan-fi-at-Tibb) telah diterjemahkan sebanyak 15 kali kedalam Bahasa Latin dan buku ini digunakan sebagai buku pelajaran perubatan diuniversiti2 Barat selama tujuh ratus tahun sehingga kurun ketujuh belas, dan sebagai mengenang jasa Al-Razi dan Ibnu Sina ini dalam lapangan perubatan maka gambar keduanya maseh menjadi hiasan pekarangan Jabatan Pengajian Perubatan Universiti Paris hari ini.

PERINTIS

Al-Haytham (M. 1039) terkenal dilapangan ilmu pengetahuan Barat sebagai perintis ilmu optics dan physic.

Al-Nabati (M. 1239) terkenal sebagai ahli ilmu pertanian.

Al-Damiri (M. 1405) terkenal dilapangan zoology — ilmu haiwan — sehingga bukunya yang bernama Hayatul Hayawan maseh diterjemahkan kedalam bahasa Inggeris sehingga dikurun ini pada tahun 1906.

Ibni Khaldun (M. 1416) terkenal didunia Barat sebagai

perintis falsafah tawarikh dan bapa ilmu kemasyarakatan (Sociology).

Dalam masa yang sama didapati juga Khalifah2 Islam terutamanya Khalifah Bani Abbas dan Bani Umaiyyah Andalusia (Spain) telah menggalakkan perkembangan ilmu pengetahuan diantaranya yang terkenal ialah:

Khalifah Harun Al-Rashid.

Khalifah Al-Mansor.

Khalifah Al-Ma'mun.

Khalifah Al-Hakim — Bani Fatimah di Cairo.

Khalifah Rahman III dan Khalifah Al-Hakam II, kedua2nya dari Bani Umaiyyah Andalusia.

LUCHU

Malangnya sebahagian besar daripada kita mengenal Sultan Harun Al-Rashid menerusi cerita luchu Abu Nawas sahaja dan sedikit sangat daripada kita agak saya yang mengetahui adanya satu perguruan tinggi yang didirikannya bernama "Baitul-Hakmah" — pusat pengajian ilmu sains dan persuratan.

Tidak semua kita yang tahu bahawa satu Universiti Islam telah berdiri di Cordova menggalakkan pengajian ilmu perubatan, sains, falsafah, ilmu hisab dan lain2 serta juga menjadi tempat perkumpulan mahasiswa dan mahaguru dari Eropah Barat dan dari berbagai pelusok dunia. Ini semuanya adalah selain daripada beberapa pusat ilmu pengetahuan di Baghdad, Seville, Toledo, Granada dan lain2. Ini semuanya berlaku 900 tahun dahulu.

Disini molek rasanya saya bachakan perenggan daripada buku "The Making of Humanity" (Pembentukan Alam Tamaddun Manusia) karangan ahli ilmu pengetahuan Barat bernama Briffault:

"Apa yang kita gelarkan ilmu sains yang tumbuh di Eropah itu ialah hasil satu nilai dan pandangan baharu yang berupa sikap menyiasat, kaedah2 baharu bagi menyiasat, kaedah2 menchuba, memerhati, mengukur dan menaksir serta pula perkembangan ilmu hisab dalam bentok

yang sama sekali asing kepada orang2 Yunani (Greek Tua). Sikap dan kaedah ini semuanya adalah dimulakan dan dibawa masuk ke dunia Barat oleh orang2 Arab."

TAMADDUN

"Sains adalah satu bakti utama tamaddun Arab (tamaddun Islam) kepada dunia hari ini. Tetapinya pengaruh2 tamaddun Arab itu lambat berkembang dan perkembangannya hanyalah berlaku bila tamaddun itu sendiri telah berlalu dan merosot. Ketika itulah baharu gergasi yang dizahirkan tamaddun itu bangun menunjukkan kekuatan sebagaimana dilambangkan kemajuan ilmu sains pada hari ini."

Daripada perenggan buku tersebut tentulah tuan2 dan puan2 dapat memahami bahawa agama kita yang maha suci itu menggalakkan kita semuanya mencari pengetahuan dan Islam tidak menyekat sama sekali kemajuan sains dan mata benda bahkan sebolehnya. Bukanlah orang2



Allahyarham Aminuddin Baki ketika menghadiri perkahwinan Murtadzah Za'aba di London.

Arab Jahiliyah telah menjadi satu bangsa yang agong selama 900 tahun dibawah sinaran dan ilham ajaran Islam.

Mengambil sempena bulan Ramadhan ini — bulan nuzul Quran — semoga hendaknya ajaran Islam berhubungan dengan mu'amalat bagi menjamin kita hidup selamat dalam masyarakat akan kita ambil perhatian bersama2. Sambil kita bertaqwa kepada Allah maka berdaya upaya pula untuk maju dalam hidup menerusi sains dan ilmu pengetahuan, sambil berusaha untuk mencapai akhlak terpuji maka berikhtiar maju dan berkejayaan dilapangan mata benda mencapai ketinggian rohani dan kesejahteraan hidup jasmani. Tegasnya dalam usaha dan ikhtiar sehari2 kita berpedomankan "Agama dijunjong, tamaddun dipimpin".

MENAKSIR

Saya telah menerangkan dan menegaskan perkara bersangkutan sikap dan pandangan hidup kita kerana saya berpendapat keadaan yang saya katakan itulah yang telah menjadi asas jiwa manusia Melayu dan mempengaruhi bentuk dan corak masyarakat kita orang2 Melayu hari ini.

Memahami hakikat yang sebenarnya, menghuraikan serta pula menaksir dari segi2 kemajuan kehendak zaman hari ini sangatlah mustahak kerana adalah hasrat utama kita sebagai bumiputera negeri ini untuk sejahtera hidup serta maju jaya dan mendapat hak dalam negara yang merdeka dan berdaulat ini. Daripada hal yang telah saya huraikan dalam sharahan yang lepas dan baharu tadi tentulah tuan2 dan puan2 dapat memahami tentang pentingnya kita menyesuaikan sikap dan pandangan hidup iaitu:

(a) Kita harus sedia berlabur dan berikhtiar dan tidak semata2 menjadi penuntun dan tukang tengok sahaja sebagai mana yang sudah2.

(b) Berusaha untuk mencari laba dan keuntungan dan tidak hanya bersikap untuk mencari nafkah memadai bagi saraan hidup sahaja pada hal kita tahu benar2 bahawa wang adalah punci kekuatan suara dan kesejahteraan hidup dalam zaman kemajuan sekarang ini, dengan menyadari hakikat bahawa bagi keselamatan masyarakat Melayu di Malaysia ini hak siasah yang ada pada kita hendaklah disokong kemajuan dan kejayaan iktisad pula.

(c) Berusaha maju dalam segala lapangan ilmu pengetahuan dan sains supaya moga2 menerusi kemajuan ini dapat kita membaiki hidup kita persaorangan dan masyarakat kita seluruhnya.

UKORAN

Berbuat segala2 ini tidaklah, pada hemat saya, bersalahan dengan ajaran agama kita bahkan kita sebaknya digalakkan — asalkan usaha2 kita dilapangan hidup makmor tidak mengganggu kita daripada beribadat kepada Tuhan serta pula hasil daripada segala2 usaha dan kemajuan itu menjadikan kita lebih beriman. Lebih bershukor dan lebih bertaqwa kepada Allah yang menjadikan alam dan kita sekalian ini.

Berbuat demikian sangat mustahak kalau kita mahu kemajuan teknologi dan

sains yang menjadi ukuran zaman sekarang ini. Berbuat demikian bertambah mustahak bagi kita orang Melayu yang hidup dalam masyarakat yang berbilang bangsa iaitu masyarakat yang kita perkongsikan dengan dua kaum yang terkenal dengan tamaddunya dan sikap pandangan mereka yang tegas terhadapnya kemajuan, yang sama berhak siasah dengan kita dan kuat dan tetap pula iktisadnya.

Penyesuaian, bukan penukaran atau penggantian, saya tegaskan penyesuaian sikap dan pandangan hidup sangatlah mustahak. Kalau tidak maka akan kurang berhasil usaha dan ikhtiar kita dilapangan kemajuan dan akan kurang berhasil segala2 usaha dan ikhtiar yang dijalankan oleh pihak kerajaan, mahu pun dalam memberi biasiswa pelajaran, kemudahan2 pelajaran dan segala ranchangan2 yang bertujuan meninggikan lagi darjat kehidupan kita orang Melayu. Kalau usaha2 ini gagal, akan berbuah pisang dua kali.

"Ayam dikepok mati kela-paran,

Itik diayer mati kehausan. Seterusnya akan berlakulah nasib 'Malang Pak Kadok' kepada diri kita:

"Alah sabong menang sorak, Ayamnya menang kampung tergadai.

Saya menambah dan menyual:

Rakyat merdeka, Negara berdaulat.

Bumiputera rela berdagang — merantau?"

Allah hendaknya menjauhkan kita daripada terjerumus kedalam jurang kemusnahan ditanah ayer sendiri dan Allah hendaknya memberkati segala usaha dan ikhtiar kita mengubah dan memperbaiki nasib sendiri.